

16 FEB 2001

Malaysiakini-Zainuddin

MALAYSIAKINI MAHU TEMUI ZAINUDDIN MENGENAI DAKWAAN

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Malaysiakini.com mahu menemui Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin berhubung dakwaan beliau mengenai kredibilitinya.

Dalam satu kenyataan hari ini, ketua pegawai eksekutif Malaysiakini Premesh Chandran berkata Zainuddin telah membuat "dakwaan-dakwaan yang tidak berasas" terhadap Malaysiakini dengan mempersoalkan kredibiliti dan sumber kewangannya.

Ia menyatakan bahawa Radio Televisyen Malaysia (RTM) juga digunakan untuk melancarkan kritikan terhadap Malaysiakini sejak minggu lalu.

" Jika Zainuddin mempunyai keraguan mengenai kredibiliti Malaysiakini, kami bersedia menemui beliau untuk memberi penjelasan," kata Chandran.

Beliau juga menafikan laporan menerusi RTM dan media bahawa Malaysiakini enggan menjawab soalan-soalan daripada wartawan.

Ketika mempertikaikan kredibiliti Malaysiakini, RTM semalam melaporkan bahawa laporan oleh editor Malaysiakini Steven Gan yang mendedahkan mengenai kematian 59 pendatang tanpa izin di kem tahanan sementara Semenyih pada 1995 adalah palsu.

Menurut Chandran, pendedahan itu adalah berdasarkan fakta dan laporan RTM yang menyebut bahawa hanya sembilan orang mati dalam insiden itu sebenarnya merujuk kepada insiden lain yang tidak berkaitan.

Beliau berkata Gan memenangi Anugerah Institut Akhbar Malaysia pada 1996 bagi pendedahan itu yang melaporkan bahawa pendatang tanpa izin mati akibat pelbagai penyakit semasa berada di kem tahanan itu.

Gan, yang ketika itu berkhidmat untuk akhbar The Sun dan kumpulannya menerima anugerah berkenaan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Chandran.

Beliau berkata RTM merujuk kepada kejadian merusuh pada 1998 di kem tahanan itu oleh pendatang tanpa izin apabila kerajaan hendak menghantar mereka pulang ke negara asal.

Beliau berkata Malaysiakini mempunyai dasar yang jelas bahawa tindakan undang-undang bagi fitnah bertulis dan fitnah secara lisan boleh menjejaskan kebebasan bersuara dan ia harus diambil hanya sebagai opsyen terakhir, bukan opsyen pertama.

" Kami percaya bahawa usaha harus dijalankan bagi membetulkan dan menjelaskan laporan kerana cara ini lebih baik daripada menggunakan saluran undang-undang untuk memohon ganti rugi. Bagaimanapun, kami akan mengambil tindakan yang perlu dalam kes apabila pihak-pihak berkenaan terus membuat dakwaan yang tidak berasas," kata beliau.

Chandran sebelumnya berkata Malaysiakini dibiayai oleh pelbagai sumber dan bukan oleh George Soros Foundation seperti dilaporkan oleh majalah Far Eastern Economic Review dalam edisinya pada 8 Feb.

-- BERNAMA

AU AU FAZ